

TERMA, SYARAT & TUGAS CONFINEMENT LADY (CL)

Pakej “**Stay in**” bermaksud CL akan tinggal/menginap di rumah Puan/Encik selama rawatan berjalan, tetapi CL tidak akan menjaga bayi pada waktu **MALAM**. Untuk penjagaan bayi pada waktu malam, akan ada caj tambahan iaitu RM150/malam.

Booking slot pembayaran hanya 30% dari pakej yang dipilih termasuk caj pengangkutan. Slot yang kami *lock* berdasarkan EDD Puan. Tempahan slot selewat-lewatnya 2 bulan sebelum EDD dan kami tidak menerima tempahan *last minute*, melainkan ada kekosongan.

Baki selebihnya perlu diselesaikan semasa CL sampai ke rumah Puan atau selewat-lewatnya dalam tempoh 2 atau 3 hari selepas rawatan bermula. Baki bayaran *online* dilakukan ke akaun syarikat sahaja.

Jika puan bersalin awal dari EDD, sila maklumkan kepada kami dan pihak kami akan cuba *reschedule* jadual CL mengikut kekosongan. Sekiranya berlaku kelewatan bersalin atau keluar wad, pihak puan boleh maklumkan kepada kami untuk penundaan perhantaran CL.

Pihak puan diminta untuk memaklumkan kepada kami sekiranya sudah selamat melahirkan, supaya kami boleh menyediakan semua keperluan dan barang rawatan. Kebiasaannya penghantaran CL bermula dari hari ke 4-6 untuk kelahiran normal dan bermula dr hari ke 7 dan ke atas utk kelahiran secara Ceaser.

Kami akan memulangkan deposit sekiranya berlaku kematian atau keguguran (mintak dijauhkan dari segala hal ini) ataupun pihak puan boleh buat penukaran pakej kepada pakej minimum.

Sekiranya pihak puan membatalkan tempahan tanpa alasan atau bukti yang kukuh dan munasabah, kami pihak Mami Confinement Care tidak akan memulangkan deposit yang dibayar.

Untuk bayi kembar ada penambahan RM30/sehari. Harga ini termasuk mandi, tuam, urut dan penjagaan bayi.

Bahan-bahan dan alatan yang CL akan bawa bersama semasa rawatan berpantang antaranya :

- Herba mandian
- Scrub
- Param pilis
- Tuam Baby
- Minyak Telon
- Herba tangas
- Batu tungku/tangas
- Sauna
- Bengkung Ibu
- Minyak Urutan





PERHATIAN!

SILA BACA TERMA SYARAT DENGAN TELITI SUPAYA PIHAK PUAN/ENCIK TIDAK SALAH FAHAM DI MASA AKAN DATANG

CL kami adalah **INDONESIAN**. Kami telah pun melatih dengan baik sebelum kami hantar ke rumah pelanggan. Pengalaman CL kami dari 2 tahun lebih hingga ke 5 tahun lebih dalam bidang penjagaan pantang. Umur CL kami dalam lingkungan 30 -58 tahun.

Jika pihak puan/encik mengurangkan jadual kerja CL atas sebab pihak puan/encik sudah mempunyai pembantu rumah, kami tidak akan menggantikan kerja CL dengan perkara lain seperti membasuh pakaian selain dari ibu dan bayi dan lain-lain.

Kemas rumah hanya *basic* sahaja, iaitu **DAPUR, TEMPAT RAWATAN** (setelah habis rawatan). Jika ada pihak PUAN/ENCIK minta CL untuk bekerja dari luar bidang kerja CL itu di luar tanggungjawab kami. Puan perlu membayar sendiri lebih tugas itu terus kepada CL kami (atas budi bicara dengan CL).

Pihak puan diminta menyediakan bilik yang berasingan untuk CL, supaya senang untuk mereka berehat.

Pihak puan/encik perlu menyediakan bahan mentah dan CL akan masak. Makanan CL pula, CL akan masak daripada apa yang pihak puan/encik sediakan bahan mentah untuk mereka ataupun makanan yang telah dimasak untuk puan, mereka akan asingkan juga untuk mereka.

Kami tidak melayan sebarang pengurangan pakej selepas CL sampai ke rumah puan/encik.

Segala *complain* mengenai CL atau penukaran CL perlu 3 hari awal. Jika selepas 3 hari, tiada layanan dibuat. *Complain* juga perlu alasan yang kukuh dari pihak *customer*.

Untuk sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut, hubungi kami di :

● **+603 6243 5005**

● **+6016 715 0056**

● **+6011 3323 0056**

- mamiconfinementcare@gmail.com
- www.mamiconfinementcare.com

